



Talian Utama (ONCC) : 06-3333333
 Pengarah Ext 5602
 PA Pengarah Ext 5601
 Am Ext 5600
 Faks 06-2834022
 Khidmat Pengurusan Ext 5607
 Penguatkuasaan 06-2881280
 Dakwah Ext 5629
 Pendidikan 06-2882081
 Pengurusan Masjid 06-2882639
 Penyelidikan Ext 3622
 Pengurusan Halal Ext 3600



PUSAT ISLAM MELAKA,
 BUKIT PALAH, 75400 MELAKA

Undang-Undang Keluarga Islam
 Pej. Agama Islam Daerah :
 Melaka Tengah Ext 5635
 Alor Gajah 06-2311708
 Jasin Ext 1400
 Kolej Al-Quran Sayyidina Ali
 (KAQSA) 06-5291277
 Sek. Men. Agama Tahfiz Al-Quran
 Al-Abqari 06-2314240
 Sekolah Harapan
 E-mel : jaim@melaka.gov.my

Ext 5635
 06-2311708
 Ext 1400
 06-5291277
 06-2314240
 06-3848301
 06-5296153



Ruj. Kami : JAIM 1/223/7/4-2 (34)
 Tarikh : S April 2021
22 Syaaban 1442H

**Pengerusi Jawatankuasa Masjid dan Surau,
 Seluruh Negeri Melaka.**

YB Datuk Seri / YB Datuk / YBhg. Datuk Seri / YBhg. Datuk / Tuan,

**PEKELILING JAIM BIL. 4/2021 - GARIS PANDUAN (SOP)
 PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU SERTA AKTIVITI RAMADHAN
 SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
 PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI MELAKA**

Dengan segala hormat dan takzimnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengisyiharkan bahawa Negeri Melaka berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuatkuasa 5 Mac 2021. Kelonggaran telah diberikan dengan kebenaran penganjuran majlis-majlis sosial berdasarkan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Aktiviti pengimaranan masjid dan surau juga tertakluk kepada SOP ini. Sehubungan dengan itu, bersama ini disertakan SOP Pengimaranan Masjid dan Surau di Negeri Melaka serta aktiviti Ramadhan tahun 1442 Hijriyyah yang antaranya melibatkan perkara berikut:

- i. Kehadiran jemaah dalam aktiviti pengimaranan di masjid dan surau Negeri Melaka termasuk bagi aktiviti di bulan Ramadhan adalah berdasarkan **kapasiti** ruang bangunan masjid/surau dan tempat yang bersesuaian di **halaman** masjid/surau dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter;
- ii. Pelaksanaan Solat Tarawih adalah **dibenarkan**. Solat Tarawih boleh dilaksanakan lapan (8) rakaat atau dua puluh (20) rakaat dan diakhiri dengan Solat Witir. Pelaksanaan Solat Tarawih adalah digalakkan dibuat secara ringkas;



**PEKELILING JAIM BIL. 4/2021 - GARIS PANDUAN (SOP)
PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU SERTA AKTIVITI RAMADHAN
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI MELAKA**

- iii. Tazkirah selepas atau di antara Solat Tarawih adalah **dibenarkan** dan hendaklah dibuat secara ringkas;
- iv. Majlis Tadarus dan Majlis Khatam Al-Quran di masjid dan surau secara berkumpulan adalah **dibenarkan** dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang munasabah serta bersesuaian;
- v. Aktiviti Iktikaf dan Qiyamullail di masjid dan surau secara berkumpulan adalah **dibenarkan** dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang munasabah serta bersesuaian;
- vi. Aktiviti memasak di masjid dan surau adalah **dibenarkan**;
- vii. Majlis jamuan makan seperti berbuka puasa, sahur dan moreh di masjid dan surau adalah **dibenarkan**. Makanan adalah digalakkan disediakan secara berbungkus. Penyediaan makanan yang melibatkan risiko jangkitan seperti penyediaan menggunakan dulang atau talam adalah **tidak dibenarkan**;
- viii. Urusan pembayaran zakat fitrah melalui pembukaan kaunter di masjid dan surau adalah **dibenarkan**;
- ix. Kanak-kanak berusia tujuh (7) tahun ke atas adalah **dibenarkan** mengikuti aktiviti di masjid dan surau. Kehadiran kanak-kanak di bawah usia tujuh tahun adalah tidak digalakkan;
- x. Aktiviti yang melibatkan bermalam di masjid/surau adalah **tidak dibenarkan**;
- xi. Penceramah dari luar negeri Melaka adalah **dibenarkan dengan kebenaran khas dari Jabatan Mufti Negeri Melaka**; dan
- xii. Warganegara asing adalah **tidak dibenarkan** mengikuti aktiviti di masjid dan surau.

**PEKELILING JAIM BIL. 4/2021 - GARIS PANDUAN (SOP)
PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU SERTA AKTIVITI RAMADHAN
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI MELAKA**

3. Pentadbiran masjid dan surau dikehendaki mematuhi SOP MKN dan JAIM seperti pendaftaran MySejahtera, penjaraikan fizikal 1 meter, pemakaian pelitup muka, penggunaan "hand sanitizer" dan sebagainya bagi setiap aktiviti pengimaranan.
4. Arahan ini berkuatkuasa **bermula 5 April 2021**. Sehubungan itu, seluruh jawatankuasa masjid dan surau di Negeri Melaka dipohon untuk mematuhi garis panduan ini. Kebenaran tersebut boleh ditarik balik sekiranya pentadbiran masjid dan surau gagal mematuhi SOP yang ditetapkan. JAIM berhak mengubah mana-mana bahagian dari SOP berdasarkan situasi semasa.
5. Keprihatinan dan kerjasama daripada pihak YB Datuk Seri / YBhg. Datuk Seri / YB Datuk / YBhg. Datuk / Tuan terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian dan salam hormat.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK MD AZHAN BIN SAMAT)

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Melaka.



PEKELILING JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA BIL. 4/2021

GARIS PANDUAN (SOP) PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU DAN AKTIVITI RAMADHAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI MELAKA

PENDAHULUAN

1. Garis panduan ini dikeluarkan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan pengimarahanaan masjid dan surau di Negeri Melaka sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) termasuk aktiviti dalam bulan Ramadhan 1442H.
2. Garis panduan ini hendaklah digunakan oleh semua masjid dan surau di seluruh Negeri Melaka berkuatkuasa 5 April 2021 sehingga dimaklumkan kemudian.
3. Garis panduan ini juga memansuhkan Pekeliling Jabatan Agama Islam Melaka Bil. 3/2021 dan segala surat pekeliling yang berkaitan dengannya.

AKTIVITI PENGIMARAHAN YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PKPP

4. Aktiviti di masjid dan surau yang dibenarkan adalah sebagaimana berikut:
 - i. Pelaksanaan solat Jumaat di masjid dan surau Jumaat;
 - ii. Pelaksanaan solat fardhu berjemaah;
 - iii. Pelaksanaan aktiviti di Bulan Ramadhan 1442 seperti Solat Tarawih, Majlis Tadarus Al-Quran dan sebagainya;
 - iv. Pelaksanaan kuliah dan kelas pengajian;
 - v. Pelaksanaan program khas seperti ceramah perdana, forum, kursus, bengkel dan seumpamanya;
 - vi. Pelaksanaan pengurusan jenazah;
 - vii. Majlis akad nikah;
 - viii. Aktiviti gotong royong;
 - ix. Aktiviti singgah solat di masjid dan surau; dan
 - x. Pelaksanaan mesyuarat.

5. Aktiviti-aktiviti tersebut dibenarkan pelaksanaannya di masjid dan surau Negeri Melaka dengan kehadiran orang awam. Pelaksanaan keseluruhan aktiviti di masjid dan surau hendaklah mengambil kira keperluan penjarakan fizikal dan mengelakkan unsur “3S” (sesak, sempit, sembang dekat).
6. Pentadbiran masjid dan jemaah yang hadir juga hendaklah mengamalkan “3W” (wash, wear, warn) iaitu sentiasa menjaga kebersihan diri terutama tangan, sentiasa memakai pelitup mulut dan hidung serta sentiasa menasihatkan jemaah agar mematuhi garis panduan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).
7. Semua aktiviti yang dibenarkan hendaklah dikawal dan berdasarkan kepada kemampuan pentadbiran masjid dan surau untuk pelaksanaan. Pentadbiran masjid dan surau boleh menangguhkan mana-mana bahagian dari garis panduan ini jika masih belum berkemampuan untuk pelaksanaan kawalan.

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA MASJID

8. Jawatankuasa masjid dan surau hendaklah melaksanakan dan memastikan pemanfaatan perkara berikut:
 - i. Menyediakan penandaan penjarakan fizikal kedudukan jemaah sekurang-kurangnya 1 meter. Jawatankuasa masjid dan surau hendaklah memastikan jemaah yang hadir mematuhi keperluan penjarakan fizikal.
 - ii. Menyediakan laluan masuk untuk jemaah menghadiri aktiviti pengimaranan di masjid/surau dan pergerakan jemaah hendaklah dikawal bagi mengelakkan kesesakan yang meningkatkan risiko jangkitan.
 - iii. Menyediakan sistem pendaftaran di laluan masuk di masjid/surau dengan menggunakan aplikasi MySejahtera dan pendaftaran manual. Pendaftaran manual hanya digunakan jika jemaah tidak mempunyai telefon pintar atau di kawasan yang tiada liputan internet. Pendaftaran manual hendaklah mengandungi butiran nama dan nombor telefon jemaah.
 - iv. Membuat pemeriksaan suhu di laluan masuk.
 - v. Menyediakan “hand sanitizer” di laluan masuk dan memastikan jemaah menggunakanannya.
 - vi. Memastikan semua jemaah dan pegawai yang hadir pada setiap aktiviti memakai pelitup mulut dan hidung. Pengecualian pemakaian pelitup mulut dan hidung adalah dalam keadaan berikut:

- a. Imam semasa memimpin solat sehingga selesai doa;
 - b. Khatib semasa menyampaikan khutbah sehingga selesai;
 - c. Penceramah semasa menyampaikan ceramah sehingga selesai; dan
 - d. Bilal semasa melaungkan azan, iqamah dan doa / salawat antara dua khutbah.
- vii. Memastikan kawasan ruang solat mempunyai pengudaraan yang baik dengan membuka pintu dan tingkap terutama bagi masjid atau surau yang mempunyai ruang solat yang sempit dan kecil.
- viii. Masjid dan surau hendaklah membuat disinfeksi sekurang-kurangnya seminggu sekali. Pentadbiran masjid/surau boleh melaksanakan disinfeksi secara sendiri, mendapatkan bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau melantik syarikat pembersihan swasta. Kos hendaklah ditanggung oleh pentadbiran masjid dan surau sendiri.
- ix. Penggunaan tempat wudhuk dan tandas di masjid dan surau hendaklah diminimumkan. Jemaah hendaklah telah siap berwudhuk di rumah. Penggunaan tandas dan ruangan wudhuk adalah dibenarkan sekiranya terdapat keperluan oleh jemaah.
- x. Terdapat amalan baik bagi langkah pencegahan jangkitan seperti menyediakan beg plastik mesra alam kepada jemaah yang menyertai aktiviti pengimaran dalam jumlah yang besar seperti Solat Jumaat. Beg plastik tersebut boleh disediakan untuk jemaah mengisi kasut/selipar dan diletakkan di tempat mereka solat. Langkah ini membolehkan jemaah keluar dengan tersusun.
- xi. Pentadbiran masjid dan surau hendaklah sentiasa mengingatkan jemaah agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan terutamanya keperluan pendaftaran MySejahtera, pemakaian pelitup mulut dan hidung, penjarakan fizikal, penggunaan “hand sanitizer” dan lain-lain SOP yang ditetapkan MKN dan JAIM.
- xii. Pentadbiran masjid dan surau boleh mendapatkan perkhidmatan dari pasukan Jabatan Sukarelawan Malaysia Negeri Melaka (RELA) atau Angkatan Pertahanan Awam Negeri Melaka (APM) untuk penguatkuasaan garis panduan ini dan kos perkhidmatan tersebut hendaklah ditanggung oleh pentadbiran masjid dan surau masing-masing. Bagi tujuan tersebut, pentadbiran masjid dan surau perlu menghubungi pejabat agensi tersebut bagi tujuan penyelarasian.

KEPERLUAN YANG PERLU DIPENUHI OLEH JEMAAH YANG MENGIKUTI AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU

9. Pegawai masjid, petugas dan orang awam dibenarkan hadir untuk mengimarahkan masjid untuk aktiviti-aktiviti pengimarahuan masjid. Walaupun begitu, **kawalan kendiri** bagi mengelakkan jangkitan hendaklah dibuat oleh setiap individu. Individu yang hadir hendaklah memenuhi keperluan berikut:
- i. Warganegara Malaysia dan penduduk tetap adalah dibenarkan hadir menyertai aktiviti di masjid dan surau, warganegara asing tidak dibenarkan menyertai aktiviti di masjid dan surau;
 - ii. Kanak-kanak berusia tujuh (7) tahun dan ke atas adalah dibenarkan hadir. Kehadiran kanak-kanak di bawah usia tujuh tahun adalah tidak digalakkan;
 - iii. Individu yang mempunyai gejala seperti demam, selsema, sesak nafas dan batuk adalah tidak dibenarkan hadir;
 - iv. Individu yang mencatatkan suhu badan lebih dari 37.5°C tidak dibenarkan hadir;
 - v. Individu yang telah dikenakan perintah kuarantin dan dikenalpasti sebagai kontak rapat pesakit Covid-19 adalah tidak dibenarkan hadir;
 - vi. Individu yang hadir hendaklah sentiasa memakai penutup mulut dan hidung semasa berada di masjid dan surau;
 - vii. Individu yang hadir wajib mendaftarkan nama dalam MySejahtera atau sistem pendaftaran yang disediakan oleh pentadbiran masjid dan surau setiap kali menghadiri aktiviti di masjid dan surau;
 - viii. Individu yang hadir hendaklah menggunakan “hand sanitizer” yang disediakan;
 - ix. Individu yang hadir mestilah berwuduk terlebih dahulu di rumah sebelum hadir ke masjid atau surau;
 - x. Individu yang hadir termasuk pegawai masjid amat digalakkan membawa dan menggunakan peralatan sendiri seperti telekung serta sejadah;
 - xi. Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan mengelakkan dari berlaku 3S iaitu sesak, berkumpul di ruangan sempit dan sembang dekat;
 - xii. Tiada kontak fizikal dibenarkan seperti berjabat tangan sama ada sebelum atau selepas solat. Jemaah hendaklah bersegera meninggalkan masjid atau surau selepas selesai aktiviti.

JUMLAH MAKSIMUM JEMAAH YANG DIBENARKAN

10. Jumlah maksimum yang dibenarkan hendaklah dengan mengambil kira keluasan masjid/surau berdasarkan aspek berikut :
- i. Berdasarkan keluasan dan kapasiti ruang solat masjid/surau dan kawasan halaman yang ditentukan selepas mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Khemah tambahan boleh dipasang di kawasan yang bersesuaian bagi kegunaan jemaah;
 - ii. Kedudukan jemaah dalam masjid dan surau adalah berdasarkan kepada penjarakan fizikal (*physical distancing*) ; dan
 - iii. Kemampuan pentadbiran masjid dan surau untuk melaksanakan kawalan.

PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI MASJID DAN SURAU JUMAAT

11. Pelaksanaan Solat Jumaat di masjid dan surau Jumaat hendaklah dilaksanakan secara ringkas. Jemaah hendaklah bersurai setelah bacaan doa dan solat sunat ba'diyyah. Pelaksanaan Solat Jumaat adalah sebagaimana berikut:
- i. Azan masuk waktu Jumaat
 - ii. Solat sunat qabliyyah
 - iii. Azan kedua
 - iv. Penyampaian khutbah yang disediakan Jabatan Agama Islam Melaka
 - v. Iqamah
 - vi. Solat Jumaat
 - vii. Doa
 - viii. Solat sunat ba'diyyah
 - ix. Bersurai
12. Ruangan yang boleh digunakan oleh jemaah ialah di semua kawasan solat dalam bangunan masjid/surau juga di luar bangunan seperti di halaman / dataran.
13. Pentadbiran masjid/surau Jumaat hendaklah sentiasa memberi peringatan kepada jemaah agar mematuhi SOP. Pentadbiran masjid/surau Jumaat diminta membuat pengumuman sebelum dan selepas solat Jumaat berkaitan pematuhan SOP.

PELAKSANAAN SOLAT FARDHU BERJEMAAH DI MASJID DAN SURAU

14. Pelaksanaan solat fardhu berjemaah di masjid dan surau hendaklah dilaksanakan secara ringkas. Jemaah hendaklah segera bersurai setelah bacaan doa dan solat sunat ba'diyyah.

AKTIVITI KHAS DI BULAN RAMADHAN 1442 HIJRAH

15. Pelaksanaan Solat Tarawih adalah dibenarkan. Solat Tarawih boleh dilaksanakan lapan (8) rakaat atau dua puluh (20) rakaat dan diakhiri dengan Solat Witir. Bacaan dalam Solat Tarawih adalah digalakkan menggunakan ayat dan surah yang ringkas.
16. Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran secara berkumpulan adalah dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang munasabah dan bersesuaian.
17. Majlis berbuka puasa, sahur dan moreh di masjid dan surau adalah dibenarkan. Makanan adalah digalakkan disediakan secara berbungkus. Penyediaan makanan yang melibatkan risiko jangkitan seperti penyediaan secara dulang atau talam adalah tidak dibenarkan.
18. Tazkirah selepas atau semasa Solat Tarawih adalah dibenarkan, walaupun begitu tazkirah hendaklah dibuat secara ringkas.
19. Aktiviti iktikaf di masjid adalah dibenarkan secara individu. Walaupun begitu, aktiviti bermalam di masjid adalah tidak dibenarkan.
20. Aktiviti qiyamullail di masjid dan surau secara berkumpulan adalah dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh dan masa yang bersesuaian.
21. Aktiviti memasak secara gotong royong di masjid dan surau adalah dibenarkan.
22. Urusan pembayaran zakat fitrah melalui pembukaan kaunter di masjid dan surau adalah dibenarkan.
23. Semua aktiviti bulan Ramadhan hendaklah mematuhi SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) terutamanya berkaitan pendaftaran dalam MySejahtera, penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan penggunaan "hand sanitizer".

PELAKSANAAN KULIAH DAN KELAS PENGAJIAN

24. Aktiviti kelas pengajian yang dibenarkan meliputi kuliah Maghrib, kuliah Subuh, tazkirah sebelum Jumaat, kuliah dan solat Dhuha, kelas pengajian Al-Quran dan lain-lain kelas pengajian.
25. Jamuan makan di masjid/surau selepas kuliah adalah dibenarkan. Penyediaan makanan adalah digalakkan secara individu / berbungkus. Penyediaan makanan yang melibatkan risiko jangkitan yang tinggi seperti makanan dalam dulang / talam adalah tidak dibenarkan.
26. Penceramah hendaklah dari kalangan yang mempunyai tauliah mengajar Negeri Melaka. Penceramah dari luar negeri Melaka adalah dibenarkan setelah menerima kebenaran khas dari Jabatan Mufti Negeri Melaka.
27. Pelaksanaan kuliah dan kelas pengajian hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang bersesuaian.

PELAKSANAAN PROGRAM KHAS SEPERTI CERAMAH PERDANA, FORUM, KURSUS, BENGKEL DAN SEUMPAMANYA

28. Program dan majlis khas adalah dibenarkan. Walaupun begitu, kerjasama pentadbiran masjid dan surau adalah dipohon bagi memastikan perancangan dan kawalan kehadiran bagi mengelakkan berlakunya kesesakan dan kehadiran jemaah yang tidak dapat dikawal.
29. Penganjuran program khas adalah bertujuan untuk penyampaian ilmu dan beribadat dan bukan bertujuan untuk mengadakan majlis besar dengan kehadiran yang ramai. Sehubungan dengan itu, aktiviti pengimarah yang melibatkan kehadiran ramai sewajarnya diutamakan kepada ibadah khusus seperti Solat Jumaat dan Solat Tarawih.
30. Penceramah hendaklah daripada mereka yang mempunyai tauliah Negeri Melaka. Penceramah dari luar Negeri Melaka adalah dibenarkan di masjid dan surau setelah mendapat kebenaran khas dari Jabatan Mufti Negeri Melaka.
31. Penganjuran program khas yang melibatkan kehadiran yang ramai perlu dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Masjid, JAIM dan juga kepada Balai Polis terdekat bagi tujuan pemantauan dan kawalan. Jika didapati sukar untuk mengadakan kawalan, majlis perlu ditangguhkan.

PELAKSANAAN PENGURUSAN JENAZAH

32. Pengurusan jenazah boleh dilaksanakan di masjid dan surau. Pelaksanaannya hendaklah secara ringkas dan mengamalkan penjarakan fizikal dengan jarak minima 1 meter. Jemaah hendaklah segera bersurai selepas solat dan doa. Walau bagaimanapun, pengurusan jenazah positif COVID-19 atau disyaki positif COVID-19 hendaklah dilaksanakan di Hospital Melaka atau mana-mana tempat yang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH DI MASJID DAN SURAU

33. Majlis akad nikah dibenarkan untuk dilaksanakan di masjid dan surau. Walau bagaimanapun, pentadbiran masjid dan surau dikehendaki mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, JAIM.

MAJLIS GOTONG ROYONG

34. Majlis gotong royong di masjid dan surau adalah dibenarkan.

AKTIVITI SINGGAH SOLAT DI MASJID DAN SURAU

35. Bagi meraikan keperluan orang musafir yang ingin singgah untuk solat, pentadbiran masjid dan surau bolehlah menyediakan satu ruangan di kawasan yang bersesuaian untuk membolehkan mereka bersolat. Peralatan untuk solat hendaklah dibawa sendiri oleh jemaah terlibat. Perkongsian peralatan solat adalah tidak dibenarkan untuk mengurangkan risiko jangkitan.
36. Pentadbiran masjid dan surau hendaklah memastikan proses disinfeksi hendaklah sentiasa dilaksanakan di kawasan tersebut.

PELAKSANAAN MESYUARAT

37. Pentadbiran masjid dan surau dibenarkan mengadakan mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat agong dengan mematuhi penjarakan sosial dan panduan keselamatan lain.

AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

38. Aktiviti yang tidak dibenarkan ialah aktiviti yang melibatkan penglibatan orang ramai seperti perhimpunan, majlis dan perarakan yang sukar untuk mengelak dari berlaku 3S iaitu (sesak, sempit, sembang rapat).

39. Aktiviti dan program yang melibatkan bermalam di masjid adalah tidak dibenarkan.

KAWALAN DAN PELAKSANAAN

40. Pentadbiran masjid dan surau hendaklah memastikan kawalan dari segi pematuhan garis panduan ini. Ketegasan dari pentadbiran masjid dan surau adalah diperlukan bagi memastikan keselamatan jemaah dan juga pegawai masjid.
41. Pentadbiran masjid dan surau hendaklah melantik petugas dan sukarelawan bagi melaksanakan pematuhan garis panduan ini terutamanya pada waktu solat Jumaat.
42. JAIM dengan nasihat dari agensi keselamatan / kesihatan boleh mengarahkan agar masjid dan surau di sesuatu tempat ditutup sekiranya didapati kawasan tersebut merupakan kawasan jangkitan atau didapati terdapat jemaah melanggar garis panduan yang ditetapkan.
43. Sekiranya terdapat pentadbiran masjid dan surau yang belum bersedia untuk melaksanakan garis panduan ini, pemakluman hendaklah disampaikan kepada JAIM dan keizinan boleh diberikan untuk menangguhkan pelaksanaan.

TARIKH KUATKUASA

44. Garis panduan ini berkuatkuasa bermula 5 April 2021.

LAIN-LAIN

45. Sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan garis panduan ini bolehlah dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Masjid, JAIM melalui nombor 06-2882639/2641 atau e-mel ke pengurusanmasjid@yahoo.com.
46. Garis panduan ini adalah terpakai untuk semua masjid dan surau di Negeri Melaka. Garis panduan ini juga boleh digunakan di premis awam dan swasta dengan kawalan institusi / agensi / syarikat masing-masing.
47. JAIM berhak membuat perubahan kepada mana-mana bahagian dari garis panduan ini berdasarkan situasi semasa. JAIM akan mengeluarkan panduan dari semasa ke semasa berdasarkan arahan dari MKN, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Mufti Negeri Melaka.

48. JAIM mengharapkan kerjasama daripada pentadbiran masjid dan surau serta semua anggota masyarakat bagi melaksanakan norma baharu penggunaan masjid dan surau di Negeri Melaka.

PENGARAH

JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

5 APRIL 2021M / 22 SYAABAN 1442H